

Dua lagi individu disah positif

Satu kes babit warga tempatan tak pernah ke China

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan mengesahkan dua lagi individu dikesan positif coronavirus baharu (2019-nCoV) termasuk satu kes membabitkan warga tempatan yang tidak pernah ke China.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kes pertama membabitkan seorang wanita berusia 40 tahun iaitu adik kepada lelaki tempatan yang sebelum ini dilaporkan positif 2019-nCoV.

Katanya, kes berkenaan disifatkan sebagai kes pertama jangkitan tempatan kerana wanita berkenaan tidak mempunyai sejarah perjalanan ke China, menjadikan sebanyak 14 kes dilaporkan sehingga hari ini.

“Pada 1 Februari lalu, wanita

terbabit mengalami gejala demam dan sakit tekak sebelum mendapatkan rawatan di klinik swasta pada 4 Februari lalu.

“Sebaik abangnya dikesan positif, Pejabat Kesihatan Kuala Muda, Kedah terus menjejaki wanita terbabit dan beberapa ahli keluarganya yang lain bagi mendapatkan sampel klinikal.

“Ujian pengesanan dan pengesanan bagi kes berkenaan dilaporkan positif semalam. Beliau kini dimasukkan ke wad isolasi Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan berada dalam keadaan stabil. Seramai 41 lagi ahli keluarga lain yang disaring dilaporkan negatif,” katanya kepada pemberita pada sidang media harian mengenai 2019-nCoV, di kementerianya di sini semalam.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, kes kedua pula membabitkan pelancong wanita dari Wuhan, China yang berusia 37 tahun.

“Wanita berkenaan tiba di negara ini bersama ibu dan tiga rakannya pada 25 Januari lalu. Mereka dilaporkan turut melawat lokasi pelancongan di sekitar Kuala Lumpur.



Dr Dzulkefly pada sidang media di Kementerian Kesihatan, Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

“Pada 1 Februari lalu, beliau mendapatkan rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) kerana mengalami gejala demam ringan. Doktor yang merawat membenarkan wanita berkenaan pulang dan dia dibekalkan ubat bagi merawat gejala yang dialami serta menjalani pemantauan di rumah,” katanya.

Dr Dzulkefly berkata, pelancong wanita terbabit bersama kumpulannya diarahkan untuk tidak ke mana-mana bagi menjalani Perintah Pengawasan dan Pemantauan.

“Hasil lawatan oleh pegawai Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai mendapati wanita terbabit masih ada gejala dan dirujuk ke HKL sebelum dilapor-

kan positif semalam dan kini dalam keadaan stabil,” katanya.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, susulan pertambahan dua kes baharu berkenaan, jumlah kumulatif kes bagi 2019-nCoV yang dilaporkan di negara ini setakat semalam ialah 14 kes.

Dalam perkembangan berasingan, beliau berkata, remaja warga Kanada yang dilaporkan pengsan di lot parkir pusat beli belah di ibu kota kelmarin, disahkan negatif jangkitan 2019-nCoV.

Katanya, berikutan keputusan itu, remaja berusia 17 tahun berkenaan yang ditempatkan dalam wad isolasi Hospital Kuala Lumpur (HKL) sudah dibenarkan pulang.